

Jabatan Komunikasi UKM unik, cemerlang

KUALA LUMPUR 30 Jun - Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sebuah jabatan pengajian peringkat universiti yang bermula sederhana kini berjaya melahirkan para profesional dalam bidang komunikasi di negara ini.

Diwujudkan dengan nama Jabatan Perhubungan pada 1976 selepas enam tahun penubuhan UKM yang ketika itu beroperasi di kampus Lembah Pantai, Kuala Lumpur, namanya ditukar kepada Jabatan Komunikasi apabila UKM berpindah ke kampus tetap di Bangi pada 1978 dan diberi ruang pejabat sementara di Aras 5, Bangunan Perpustakaan Tun Sri Lanang.

Bergerak dengan nama tersebut, jabatan itu membangunkan modal insan bidang komunikasi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Menurut salah seorang tenaga pengajar dan pengasas Jabatan Komunikasi UKM, Mohamad Mohd. Yusuff, jabatan tersebut unik kerana mahasiswanya terdiri daripada berbilang kaum.

Katanya, apabila tamat pengajian, mereka dengan cepat diterima mengisi lompong di peringkat pengurusan pertengahan yang wujud dalam dunia komunikasi ketika itu, baik dalam sektor awan mahupun swasta.

Menurutnya, sehingga kini Jabatan Komunikasi UKM telah melahirkan ribuan para cendekiawan, profesional dan usahawan berjaya dalam bidang komunikasi, media massa, pentadbiran awam dan pembangunan masyarakat.

Antara nama-nama besar yang dilahirkan Jabatan Komunikasi UKM termasuklah Prof.

Dr. Asiah Sarji; Datuk Mokhtar Hussein (BERNAMA); Datuk Othman Mohamad (Utusan Melayu (M) Berhad); Datuk Jahid Jihin; Datuk Omar Sideki; Prof. Dr. Juli Edo; Dr. Rohiya Omar; Datin Dr. Wang Kim Hai; Datuk Paul Yee; Jamal Nasir; Jamaluddin dan Dr. Christina Gooi.

Tambahnya, para siswazah Komunikasi UKM juga mengisi pelbagai profesion lain seperti pensyarah, guru, pegawai tadbir, pengurus bank, pengurus pemasaran dan sebagainya.

Mohamad memberitahu, beliau dan beberapa orang bekas 'anak murid' mengorak langkah

buat pertama kali mengumpul siswazah perintis angkatan 1981-85 untuk mengadakan satu majlis minum petang atau *reunion* dalam suasana Hari Raya Aidilfitri di sebuah hotel terkemuka di Subang Jaya pada 9 Julai ini.

Ini bertujuan menyediakan satu wadah bagi siswazah perintis jurusan Komunikasi UKM untuk mewujudkan platform yang boleh digunakan untuk menyuarakan pemikiran serta pandangan berkaitan isu-isu semasa sosioekonomi dan politik negara dan luar negara.

Pertemuan itu juga tambah Mohamad akan menjadi titik-tolak ke arah penubuhan Persatuan Alumni Komunikasi yang boleh bertindak sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), berperanan memelihara kepentingan ilmu komunikasi dalam semua bidang.

Beliau berharap Persatuan Alumni Komunikasi akan menjadi badan pentauliah, penelitian dan rujukan pembelajaran komunikasi bagi mewakili pihak swasta dan industri di negara ini.



MOHAMAD MOHD. YUSUFF